



KENYATAAN MEDIA

KUSKOP MENYANTUNI KUMPULAN KHUSUS MELALUI PROGRAM JELAJAH KEUSAHAWANAN BERSASAR (JKEB) KUSKOP

Kota Kinabalu, 1 Jun 2023 (Khamis) – Bagi menyokong hala tuju negara menerusi Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah menganjurkan program pembudayaan keusahawanan melalui Program Jelajah Keusahawanan Bersasar (JKEB) KUSKOP. Program JKEB KUSKOP tahun 2023 bermula dengan pelaksanaan bersama 115 usahawan wanita di Kelantan pada 4 Mac 2023. Program diteruskan dengan Program JKEB KUSKOP Siri 2/2023 yang telah dihadiri seramai 170 orang usahawan daripada golongan B40 Sabah.

JKEB KUSKOP telah bermula sejak tahun 2022 sebanyak 3 siri dengan pelaksanaannya bersama lebih 200 peserta yang terdiri daripada wanita, banduan dan orang asli. Pada tahun 2023, JKEB KUSKOP diteruskan dengan cadangan pelaksanaan sebanyak 4 siri dengan 300 orang peserta program selaras dengan nilai kemampanan dan kesejahteraan Madani untuk usahawan.

Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memberikan pendedahan dan menggalakkan pembudayaan keusahawanan serta menyampaikan informasi dan maklumat berhubung dengan inisiatif, insentif dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya. Bagi tahun 2023, kumpulan sasar program/kumpulan fokus utama adalah wanita, banduan, golongan B40 serta usahawan perusahaan sosial dalam meningkatkan kapasiti dan taraf hidup dengan menceburi bidang keusahawanan.

YB Datuk Ewon telah menyempurnakan sesi penyampaian sijil penyertaan kepada peserta program JKEB KUSKOP Siri 2/2023 ini. Bagi siri berikutnya, KUSKOP akan berkolaborasi dengan Jabatan Penjara Malaysia bagi menyantuni 100 banduan di Penjara Kajang.

Dalam majlis yang sama, YB Datuk Ewon telah menyampaikan replika cek geran perniagaan sebanyak RM10,000.00 serta sijil penyertaan kepada 10 usahawan asnaf negeri Sabah yang menyertai Program ISHRAF 2.0 anjuran SME Bank.

Bagi tahun 2023, 30 lagi usahawan asnaf yang terpilih dari negeri Sabah akan menyertai Program ISHRAF, iaitu siri ketiga Program Keusahawanan Asnaf anjuran SME Bank yang akan melibatkan penyertaan 400 usahawan asnaf seluruh negara.

Turut hadir bersama di majlis penutupan program adalah Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Negeri Sabah, YB Tuan Phoong Jin Zhe, dan Pembantu Menteri II Pembangunan Luar Bandar Sabah, YB Tuan Samad Jambri.

**Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan (BPES)
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)**
1 Jun 2023

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

**PUAN ZANAWIAH BINTI HASSAN
TIMBALAN SETIAUSAHA BAHAGIAN
Tel: 012-347 8575 | E-mel: zanawiah.hassan@kuskop.gov.my**